

# PM beri jaminan projek di Perak tetap dilaksanakan

Pembangunan dirancang diteruskan untuk kebaikan rakyat setempat

Oleh Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam memberi jaminan kepada Kerajaan Perak bahawa projek, khususnya yang membabitkan program pembangunan di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di negeri itu akan diteruskan.


Menteri Besar Perak, Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata jaminan itu diberikan Perdana Menteri pada pertemuan empat mata beliau dengan Abdullah selama sejam di Pejabat Perdana Menteri, di sini, semalam.

Beliau berkata, pada pertemuan itu Abdullah turut memberikan pandangan mengenai projek yang sesuai dilaksanakan di Perak untuk kebaikan rakyat.

"Kita akan teruskan segala projek yang sudah pun dirancang sama ada dalam bidang pertanian, pelancongan, modal insan dan pembuatan. Malah, Perdana Menteri juga meminta Kerajaan Perak untuk terus memberikan kerjasama kepada Projek Landasan Keretapi Berkembar yang menghubungkan Rawang dan Perlis.

"Kami Pakatan Rakyat akan tetap bekerjasama dengan Kerajaan Pusat supaya projek besar ini dapat dilaksanakan dan kita akan membentuk jawatankuasa untuk memudahkan kedua-dua pihak berbincang," katanya kepada pemberita di luar Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Mohammad Nizar berkata, beliau meminta Perdana Menteri meneruskan projek pembangunan yang sudah pun dirancang, khususnya menaik taraf kemudahan lapangan terbang, pembinaan pelabuhan di



**CAPAI KESEPAKATAN:** Abdullah bersalaman dengan Mohammad Nizar yang melakukan kunjungan hormat di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

Lumut dan kemudahan paip bagi menyalurkan gas asli ke kawasan perindustrian di Manjung, Seri Iskandar dan Jelapang:

"Turut dibincangkan projek kemudahan infrastruktur dan projek kecil di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bernilai le-

bih RM52 juta kepada pihak berkuasa tempatan," katanya.

Ditanya sama ada Abdullah akan mengadakan lawatan rasmi ke Perak tidak lama lagi, Mohammad Nizar berkata, perkara itu belum diputuskan lagi.

"Perdana Menteri ada memberi-

kan gambaran beliau akan cuba mengunjungi Perak, namun belum diputuskan lagi," katanya sambil menambah beliau turut menggunakan kesempatan meminta Perdana Menteri mengkaji beberapa perkara membabitkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).